

14 AUG 1998
ASW-Dividen
DIVIDEN ASW 2020 SEBANYAK 9.8 PERATUS

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini mengumumkan dividen 9.8 peratus bagi Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun berakhir 31 Ogos 1998, berbanding dividen pertamanya 10.1 peratus yang disyitiharkan tahun lepas.

Amanah Saham Nasional Bhd, yang menguruskan ASW 2020, akan memperuntukkan RM170.52 juta bagi membayar dividen itu.

ASW dilancarkan pada 28 Ogos 1996. Di bawah skim itu, sebanyak tiga bilion unit bernilai RM1 ditawarkan untuk jualan -- 51 peratus bagi Bumiputera dan 49 peratus bagi bukan Bumiputera.

Sehingga 12 Ogos tahun ini, 347,722 Bumiputera telah melabur sebanyak RM324.51 juta dalam tabung itu manakala 486,991 bukan Bumiputera telah melabur sebanyak RM1,240.40 juta.

Pengumuman dividen oleh Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dibacakan oleh Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Dr Mahathir berkata jumlah itu menunjukkan peningkatan daripada segi pelabur unit amanah berbanding 31 Ogos tahun lepas dengan 333,865 Bumiputera dan 481,059 bukan Bumiputera.

Dr Mahathir berkata masih terdapat lebih RM1,205.50 juta bagi unit yang boleh dilabur oleh Bumiputera berbanding RM229.60 juta bagi bukan Bumiputera.

Sehubungan itu, beliau berharap lebih banyak di kalangan orang ramai yang layak untuk membeli unit ASW 2020 akan melabur dalam unit amanah itu.

"Saya juga berharap pemegang unit-unit itu tidak mengeluarkan dividen mereka dan menambah pelaburan mereka dalam unit amanah itu," katanya.

-- BERNAMA

HS RHM